

UMP (Dalam Negeri) Sabtu 11/10/14 M/6 34

Lebih 500 kunjungi pesta buah UMP

KUANTAN 10 Okt. - Lebih 500 pengunjung hadir memeriahkan Pesta Buah-buahan Tempatan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kesembilan di Dataran Taman Teknologi dan Inovasi UMP Kampus Gambang, di sini hari ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yusarie Zainuddin berkata, sebanyak lima tan buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, duku, naga, nenas, langsat dan tembikai disediakan secara percuma kepada pengunjung terutama dalam kalangan alumni universiti itu.

"Program yang memasuki tahun keempat itu diadakan dengan kerjasama Persatuan Alumni UMP setiap kali berlangsungnya majlis konvokesyen dan akan dijadikan

acara tahunan."

"Sambutan yang diberikan amat memberangsangkan terutama daripada masyarakat setempat dan para pelajar," katanya kepada pemberita.

Yang turut hadir memeriahkan majlis berkenaan ialah Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Mohamad Hamid Al-Junid Syed Abdul Rahman.

Menurut Dr. Yusarie, program itu dijadikan platform untuk mengeratkan silaturahim antara pegawai UMP, pelajar dan alumni termasuk pelajar antarabangsa.

"Inilah masa terbaik untuk meraikan alumni dalam suasana santai di samping bermesra dan bertukar tukar pendapat," ujarnya.

Sementara itu, pelbagai program akan dijalankan sempena majlis konvokesyen tersebut esok dan

Ahad ini di Kompleks Sukan UMP.

Antaranya adalah ceramah kesihatan bersama Chef Zamir (Juara Master Chef Malaysia All Stars), pertandingan memasak makanan mudah dan sihat, Seminar Transformasi Usahawan Muda, Kembara Bermotor UMP Rider Club (URC), Lets Fun With 'Kampus Dakwah' dan Ladies Moment: Cantiknya Dirimu Wahai Muslimah Solehah, Pertandingan Inovasi 3R (Reuse/Recycle/Reduce) dan Fiesta Buah-buahan Tempatan.

Turut diadakan Forum Save Gaza Together We Care bersama Ustaz Badli Shah Alauddin dan Zulkifli Wahijan, Kursus Praperkahwinan 'Bercinta' Lepas Nikah', Pertandingan Tamiya, 'Mahabbah Night' dan pertandingan mewarna serta peragaan pakaian kanak-kanak sepanjang karnival berlangsung.



PROFESOR Dr. Daing Nasir Ibrahim (kiri) mengambil buah-buahan yang dihidangkan untuk pengunjung pada Pesta Buah-buahan Tempatan sempena Majlis Konvokesyen UMP ke-9, di Gambang, Kuantan, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN